

Sesi JUN 2019

Buletin JKA. Politeknik Merlimau, Melaka.

>>GO Green

Jabatan Kejuruteraan Awam

POLITEKNIK
MALAYSIA
MERLIMAU

50
JUBILEMAS
POLITEKNIK MALAYSIA
1969 - 2019

Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Program Jabatan Kejuruteraan Awam, PMM



Sr. Mohamad Kelana bin Juwit
Ketua Jabatan kejuruteraan Awam



En. Mohd Khairulnizam bin Yunos
Ketua Program Kejuruteraan Awam



En. Faizal Adnan bin Omar
Ketua Program Seni Bina



Sr Yee Wui Chee
Ketua Program Geomatik



Kata Aluan

Sr. Mohamad Kelana bin Juwit

Salam bahagia kepada warga JKA.

Diucapkan ribuan terima kasih kepada team Buletin JKA sesi Jun 2019 atas komitmen anda dalam menyediakan bahan-bahan penerbitan daripada unit masing-masing. (DKA, DSB dan DGU)

Teknologi hari ini telah mengubah cara kita menjalankan proses penyampaian ilmu terhadap pelajar. Keadaan ini berbeza pada zaman pendidikan masa lalu dan cabarannya amat berbeza.

Proses pengajaran kepada pelajar harus diselaraskan seiring dengan keberadaan teknologi, mengikut keperluan pendidikan semasa serta sesuai dengan keperluan masyarakat masa kini. Maka dengan itu, para pensyarah juga harus mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu teknologi terkini supaya pelajar daripada jabatan kita tidak ketinggalan dan gagal bersaing dengan dunia luar. Selain ilmu teknologi, belajarliah juga ilmu imaginasi dan kebenarannya. Ini kerana imaginasilah yang akan mengangkat teknologi di masa hadapan. Kata Albert Einstein "*Imagination is more important than knowledge*" dan kata Buya Hamka "*Khayal itu bisa mengalahkan akal*".

Di harap warga JKA cakna ke arah keperluan tersebut. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua warga pendidik JKA kerana berjaya menjalankan tanggungjawab yang diberi dengan baik.

Ikhlas,

Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam.
Politeknik Merlimau Melaka.





Salam Sejahtera

Salam sejahtera kepada warga JKA

Diucapkan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa buletin kerana berjaya memenuhi ruangan penerbitan dengan berita semasa. Diucapkan ribuan juga kepada penyumbang berita semasa di sesi Jun 2019 daripada Kejuruteraan Awam, Senibina dan Geomatik.

Di harap dengan sumbangan ini sekurang-kurangnya dapat memperlihatkan kepada pelajar dan staf akitiviti yang dijalankan. Apa jua artikel penulisan tuan dan puan setidak-tidaknya dapat mengisi ruang pengetahuan kepada pelajar dan warga JKA.

Semoga berita yang tersiar ini dapat memberi manfaat bersama.

Ketua Editor

Shamsul Johari b. Shaari
Pensyarah Seni Bina, JKA, PMM
Sesi Disember 2018

Team Editor



* Pn. Juliawati binti Jama'on

** Pn. Noor Asmida binti Abu Bakar

*** Ts. Amran bin Atan

Isi Kandungan

**Kata Aluan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam.
kata Aluan Ketua Editor
Carta Organisasi Jabatan**

Berita:

- 'WIRA'- Archiday Senibina JKA Sesi Jun 2019.
- Program PERKAYA Politeknik Melimau - Senibina.
- Kuala Lumpur International Airport 2 (Klia2) Beri Inspirasi Kepada Pelajar
- Pelajar Teruja Lawatan Ke Pusat Informasi MRT, Bandar Malaysia
- Program Survey Camp Program Geomatik
- Kursus Ukur Bersama Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd. Zin, Alor Gajah


Senarai Terbitan Buletin JKA Sesi Lalu boleh dilayari di:

<http://www.pmm.edu.my/index.php/jabatan/kejuruteraan-awam>



Carta Organisasi Jabatan Kejuruteraan Awam

CARTA ORGANISASI JABATAN KEJURUTERAAN AWAM POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA.



Program PERKAYA POLITEKNIK MELIMAU- SENIBINA

Ts. Amran bin Atan

Program PERKAYA merupakan satu program yang sentiasa berjalan pada setiap hujung semester di Politeknik Melimau. Ianya mempertaruhkan karya-karya inovasi pelajar di setiap jabatan. Program ini merupakan satu program yang baik untuk diadakan pada setiap semester di politeknik. Perkaya juga mampu melonjakkan semangat persaingan yang sihat kepada para pelajar politeknik melalui tunjuk ajar para pensyarah sebagai pembimbing dan menggilap bakat mereka sepanjang pengajian.

Senibina juga antara unit yang terlibat dalam menghasilkan karya-karya untuk diketengahkan pada setiap semester. Kali ini, senibina menghantar empat peserta untuk memperlihatkan bakat mereka untuk diadili. Mereka terdiri daripada pelajar semester lima (5): Mohammad Aiman Haikal bin Hussin dan Aireen Ezzwan bin Mohd Azhar manakala pelajar semester (4): Siti Nur Aina binti Asmuni dan Zulfikar bin M Harun. Tahnhiah kepada Aiman Haikal bin Hussin kena berjaya merangkul pingat gangsa. Tahnhiah juga kepada pensyarah pembimbing semester lima.

Sekalung tahnhiah juga kepada Jabatan Kejuruteraan Awam yang juga memperolehi pelbagai pingat pada kali ini. Tahnhiah JKA



PERKAYA sesi Jun 2019 mampu melonjakkan semangat persaingan inovasi yang sihat kepada para pelajar.

'WIRA'- Archiday Senibina JKA Sesi Jun 2019

Shamsul Johari b. Shaari

Pada 13-16 September 2019, satu program 'Archiday' senibina yang bertemakan 'WIRA' telah diadakan di Bukit Batu Lebah, Selandar, Melaka. Program archiday ini merupakan program yang dijalankan pada setiap semester oleh Unit Senibina Jabatan Kejuruteraan Awam

Program ini ditaja oleh ADABI Melaka-masak secara rawang di mana berjaya mengumpulkan komuniti sekitar dan bersama-sama pelajar serta menjalankan aktiviti memasak bersama ADABI. Selain itu terdapat juga penaja dari Benz Maju Service yang menyediakan prasarana bagi pelajar politeknik selama empat hari. Pihak AJREKA juga telah membantu pelajar dari segi lakaran lukisan mural di dinding-dinding bangunan yang tersedia. Pihak MOTAC (*Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia, Melaka*) juga turut menyumbang dalam program ini.

Majlis ini dirasmikan oleh puan Rosita bt Zainal- Timbangan Pengarah Akademik Politeknik Merlimau dan dihadiri oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam. Tahniah kepada Pn Saripah bt Abdullah selaku penyelar program 'WIRA', semua pensyarah senibina serta semua pelajar senibina yang terlibat. Lanjutan berita ini boleh disaksikan di : <https://www.youtube.com/watch?v=uvPXIospLD0>



.Antara program yang dijalankan di kem 'WIRA' Bukit Batu Lebah, Selandar



Kuala Lumpur International Airport 2 (Klia2) Beri Inspirasi Kepada Pelajar

Juliawati binti Jama'on

Pada 10 Oktober 2019, Program Diploma Kejuruteraan Awam menganjurkan lawatan akademik ke Malaysia Airport Sdn. Bhd di KLIA2, Sepang. Lawatan ini yang merupakan sebahagian proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi kursus DCC3113 Highway and Traffic Engineering bertujuan untuk menilai tambah ilmu pelajar dan merasai kerja di suasana sebenar tapak projek. Bilangan peserta lawatan adalah seramai 33 orang pelajar DKA3 dan diiringi 6 orang pensyarah.

Semasa di lokasi, penerangan tentang projek telah disampaikan oleh Jurutera yang terlibat dengan pembinaan terminal di KLIA2. Pelajar didedahkan kepada proses pembinaan turapan khusus untuk landasan kapal terbang dan kerja penyelenggaraan. Pelajar juga melawat sekitar KLIA2 dan mengambil gambar sebagai kenangan. Lawatan di KLIA2 telah memberi inspirasi kepada pelajar untuk berjaya dan dapat memberi manfaat kepada diri dan negara.



Gambar 1: Taklimat diberikan oleh Jurutera Kanan Malaysia Airport Sdn. Bhd. kepada pelajar



Gambar 2: Pelajar dan pensyarah mendengar taklimat yang disampaikan



Gambar 3: Bergambar kenangan sebelum meneruskan lawatan ke sekitar KLIA2

Pelajar Teruja Lawatan Ke Pusat Informasi MRT, Bandar Malaysia

Juliawati binti. Jama'on

Program Diploma Kejuruteraan Awam menganjurkan lawatan akademik ke Pusat Informasi MRT, Bandar Malaysia yang terletak di Sungai Besi, Selangor pada 26 September 2019 bertujuan untuk menilai tambah ilmu pelajar dan merasai kerja di suasana sebenar tapak projek. Bilangan peserta lawatan adalah seramai 34 orang pelajar DKA3 dan diiringi 6 orang pensyarah. Lawatan ini merupakan sebahagian proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi kursus DCC3103 Geotechnical Engineering. Semasa di lokasi, penerangan tentang projek telah disampaikan oleh Pegawai Perhubungan awam dan Jurutera syarikat MRT. Pelajar dan pensyarah diberi penerangan mengenai projek stesen MRT Bandar Utara Malaysia khususnya mengenai model Tunnel Boring Machine (TBM) yang digunakan untuk kerja-kerja pengorekan terowong bawah tanah.

Selain itu, para pelajar didedahkan tentang maklumat mengenai teknologi kereta api dan jenis stesen yang dibina untuk laluan MRT Bandar Utara Malaysia. Selepas mendengar penerangan di Pusat Informasi MRT, pelajar dapat merasai keterujaan menaiki MRT daripada Stesen KL Sentral ke Kajang. Semua peserta lawatan dan pensyarah terlibat telah mendapat manfaat selepas menghadiri lawatan ini.



Gambar 1: Bergambar kenangan di hadapan Pusat Informasi MRT.



Gambar 2: Pensyarah Pengiring bergambar bersama Jurutera MRT dan Pegawai Perhubungan Awam MRT.



Gambar 3: Taklimat di Pusat Informasi MRT sebelum meneruskan lawatan.

Program Survey Camp Program Geomatik

Pn Noor Asmida binti Abu Bakar

Program Survey Camp Sesi Jun 2019 telah dijalankan pada 20 Ogos – 29 Ogos 2019 bertempat di Pengkalan Balak, Masjid Tanah, Melaka. Program ini dianjurkan oleh Unit Geomatik, Jabatan Kejuruteraan Awam untuk pelajar DGU5A & DGU5B.

Program Survey Camp ini diadakan bertujuan untuk melatih para pelajar mengaplikasikan segala ilmu teori dan praktikal yang telah dilalui dari semester satu hingga semester lima dalam aspek pengetahuan, perancangan, pengurusan tenaga kerja dan pendedahan persekitaran sebenar dalam menjalankan sesuatu projek ukur. Program ini juga dapat menguji kebolehan para pelajar dalam menyelesaikan masalah di lapangan dengan suasana pembelajaran yang berbeza dan lebih realistik. Kursus ini memperuntukkan kemahiran kerja padang (fieldwork) dalam bidang kadaster, kejuruteraan, GNSS dan hidrografi. Ia merangkumi kerja pengukuran di lapangan dari aspek perancangan, pengukuran kawalan, pengambilan butiran sehingga menghasilkan pelan.

Melalui program ini pelajar dapat mengaplikasikan kemahiran generik seperti komunikasi dalam kumpulan dan masyarakat, kemahiran menyelesaikan masalah di padang, melaksanakan tanggungjawab sosial, peningkatan etika dan moral serta keberkesanan kepimpinan dan kerjasama di dalam kumpulan. Kursus-kursus seperti ini juga diharapkan akan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang bertanggungjawab dalam mematuhi etika profesionalisma dan bertanggungjawab dalam amalan prosedur semasa mereka menghadapi cabaran berkerjaya. Semoga dengan program ini akan dapat melahirkan graduan yang mampu memenuhi kriteria pihak industri dan meningkatkan lagi imej politeknik dalam menghasilkan graduan yang dapat memenuhi pasaran kerja setanding pelajar-pelajar di IPT lain.

Penyelia yang terlibat secara langsung dalam program ini adalah Pn Noor Asmida Binti Abu Bakar, Pn Suriawati Binti Jusoh, Sr. Hasniza Binti Harun, Sr. Kelana Bin Juwit, Cik Siti Nurazrin Binti Sheikh Ismail, Pn Ayati Binti Parmen, Sr. Firhan Bin Salian dan Sr. Zuraini Binti Basarudin.



Program ini dapat menguji kebolehan para pelajar dalam menyelesaikan masalah di lapangan dengan suasana pembelajaran yang berbeza dan lebih realistik.

Kursus Ukur Bersama Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd. Zin, Alor Gajah

Sr. Zuraini binti Basarudin

Kursus Ukur Bersama Kolej Vokasional telah dijalankan pada 03 Ogos 2019 bertempat di Sekitar Makmal Ukur Kejuruteraan dan BK 1, Politeknik Merlimau. Kursus ini dianjurkan oleh Unit Geomatik, Jabatan Kejuruteraan Awam untuk 20 orang pelajar Diploma Teknologi Pembinaan dan 3 Orang pensyarah pengiring dari KV Datuk Seri Mohd. Zin. Penceramah yang terlibat adalah Sr. Zuraini binti Basarudin dan Cik Siti Nurazrin binti Sheikh Ismail iaitu pensyarah dari Unit Geomatik, Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Merlimau.

Kursus ini bertujuan untuk memberikan ilmu asas berkaitan dengan ukur terabas kepada 20 orang pelajar Diploma Teknologi Pembinaan dari Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd. Zin, Alor Gajah. Ianya juga bagi membantu pihak Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd. Zin, Alor Gajah untuk memenuhi keperluan silibus yang berkaitan dengan kursus ukur.

Aktiviti yang dijalankan dalam kursus ini adalah melibatkan kerja-kerja amali lapangan berkaitan dengan ukur terabas kepada para peserta. Peserta juga turut didedahkan dengan peralatan-peralatan untuk ukur terabas dan kaedah-kaedah cerapan serta menjalankan proses pengiraan terhadap data cerapan di lapangan.

Objektif kursus ini telah tercapai dan dapat memberi manfaat kepada para pensyarah dan peserta yang terlibat. Para peserta telah mendapat ilmu asas ukur terabas bagi memenuhi keperluan kursus asas ukur mereka. Program sebegini perlu diteruskan pada masa akan datang agar aktiviti perkongsian ilmu dapat diteruskan dengan IPT atau institusi-institusi lain.



Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan sepanjang kursus ukur bersama Kolej Vokasional Alor Gajah, Melaka.

Galeri Buletin JKA

Sesi Jun 2019



Kata Aluan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam.
kata Aluan Ketua Editor
Carta Organisasi Jabatan

Isi Kandungan

Berita:

- a. 'WIRA'- Archiday Senibina JKA Sesi Jun 2019.
- b. Program PERKAYA Politeknik Melimau - Senibina.
- c. Kuala Lumpur International Airport 2 (Klia2) Beri Inspirasi Kepada Pelajar
- d. Pelajar Teruja Lawatan Ke Pusat Informasi MRT, Bandar Malaysia
- e. Program Survey Camp Program Geomatik
- f. Kursus Ukur Bersama Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd. Zin, Alor Gajah



Jabatan Kejuruteraan Awam

Sesi Jun 2019